

## **MEKANISME OPERASI PEMBIAYAAN KREDIT MIKRO AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (AIM): SATU ANALISIS DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM**

**Raziah Binti Md Tahir**

Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah;

**E-Mel:** raziah@uum.edu.my; **Tel:** 04 - 9283540; **Faks:** 04 - 9285751;

**Tahap Pengajian:** Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia.

Mekanisme skim pembiayaan kredit mikro yang telah diamalkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) sejak tahun 1987 mempunyai 2 komponen asas pembayaran balik pinjaman. Komponen pertama ialah Qard Hassan dan komponen kedua dilabelkan sebagai caj pengurusan atau yuran perkhidmatan. Persoalannya ialah setelah digabungkan kedua-dua komponen tersebut, sejauhmanakah sistem pembiayaan ini bebas daripada unsur-unsur riba. Ini kerana peratusan caj pengurusan adalah bergantung kepada tempoh bayaran ansuran yang dipilih oleh para sahabat AIM. Justeru itu, kertaskerja ini cuba menyingkap serta meneliti tiga persoalan utama. Pertama ialah dengan mengenalpasti asas dan bentuk Qard Hassan yang diamalkan. Kedua, menganalisis kedudukan caj pengurusan mengikut perspektif Islam. Dan ketiga, merumuskan konsep sebenar yang digunakan dalam mekanisme pembiayaan AIM ini. Metodologi kajian yang akan digunakan dalam kertas kerja ini ialah melalui analisa deskriptif berdasarkan kepada data-data sekunder dan juga kajian-kajian lepas. Sebagai usaha penerokaan, ketiga-tiga persoalan tersebut akan dianalisis berasaskan kajian kes ke atas AIM Cawangan Kubang Pasu, Jitra, Kedah.